



04 JUL, 2025

Pengembangan pusat data pacu permintaan tenaga, gas



Berita Harian, Malaysia

Pengembangan pusat data pacu permintaan tenaga, gas

Permintaan terhadap elektrik dijangka terus meningkat didorong oleh pengembangan pesat pusat data (DC), sekali gus merangsang keperluan penjanaan tenaga dan penggunaan gas,

menurut Kenanga Investment Bank Bhd (Kenanga Research). Dalam nota penyelidikannya, Kenanga Research memaklumkan bahawa Tenaga Nasional Bhd (TNB) mencatatkan pertumbuhan permintaan elektrik di Semenanjung sebanyak 6.2 peratus tahun ke tahun bagi 2024. Lonjakan ini sebahagian besarnya dipacu permintaan tinggi dari segmen komersial, terutama membabitkan pusat data,

yang menyaksikan pertumbuhan 9.2 peratus. "Penggunaan beban sebenar pusat data mencapai 405 megawatt (MW) pada akhir 2024, meningkat daripada 100 MW pada Mac 2024. Jumlah ini dijangka terus naik kepada 485 MW menjelang Mac 2025, merangkumi 21 projek dengan kapasiti keseluruhan 2.8 gigawatt (GW)," jelas firma itu. Tambahan 17 projek pusat data dengan kapasiti 2.9 GW kini dalam pembinaan, manakala lima lagi projek membabitkan 0.7 GW sudah menandatangani perjanjian bekalan tenaga. Ini menjadikan jumlah keseluruhan projek pusat data yang dirancang dan dalam pelaksanaan kepada 43, dengan permintaan maksimum mencecah 6.4 GW. Untuk memenuhi permintaan

ini, kapasiti penjanaan tenaga baharu diunjurkan meningkat antara 6 hingga 8 GW menjelang 2030. Di bawah semakan semula tarif asas menerusi Tempoh Kawal Selia Keempat (RP4) yang berkuat kuasa mulai bulan ini, kadar tarif purata bagi kategori voltan ultra tinggi yang baru diperkenalkan adalah sekitar 60 sen bagi setiap kilowatt-jam (kWj). "Kami percaya kadar ini disasarkan khas untuk pusat data. Justeru, kami mengekalkan saranan *Overweight* ke atas sektor utiliti, dengan TNB kekal sebagai pilihan utama memandangkan pendedahan jangka panjangnya terhadap pertumbuhan permintaan yang didorong oleh pusat data," kata Kenanga Research. Sementara itu, YTL Power

International menjangkakan kenaikan tarif sebanyak 21 peratus untuk syarikat air Wessex Water di bawah tempoh kawal selia baharu yang bermula April ini. YTL Power juga merancang untuk melancarkan pusat data kecerdasan buatan (AI) berkualiti Nvidia dengan kapasiti 20 MW pada Julai, diikuti operasi lokasi bersama kemudahan JDC4.1 Fasa 40 MW yang dijadualkan bermula antara Ogos hingga September. Kenanga Research turut memaklumkan bahawa sektor utiliti kekal menarik kepada pelabur kerana daya tahan pendapatan, disokong oleh aset terkawal serta aliran tunai berulang, terutama menerusi Gas Malaysia Bhd yang menawarkan pulangan dividen sehingga enam peratus. BERNAMA

